

## Promosi Pengecualian Fi Bagi Pengiriman Wang Dalam Talian

Dikemaskinikan pada 11 Januari 2018

### Tempoh Promosi

Promosi Pengecualian Fi Bagi Pengiriman Wang Dalam Talian ("Promosi") oleh Hong Leong Bank (97141-X) ("HLB") bermula pada 1 Februari 2018 sehingga 28 Februari 2018, termasuk kedua-dua tarikh ini ("Tempoh Promosi"), melainkan dinyatakan sebaliknya.

### Terma dan Syarat ("T&Cs")

Berikut ialah terma dan syarat yang berkaitan dengan Promosi ini:

#### 1. Definisi

- 1.1 "Pindahan Bertelegraf (TT)" ialah dana yang telah didenominasi dalam mata wang asing dan dikirim ke bank/agen di luar Malaysia; dan
- 1.2 "Connect" ialah Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong Connect.

#### 2. Kelayakan dan Penyertaan

- 2.1 Promosi ini terbuka kepada semua pengguna Connect baru dan sedia ada yang telah berdaftar dengan HLB ("Pengguna Connect").
- 2.2 Untuk tujuan Promosi ini, pengguna Connect yang baru merujuk kepada pelanggan-pelanggan yang bukan merupakan pengguna Connect berdaftar sebelum Tempoh Promosi.
- 2.3 Penyertaan dalam Promosi ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang telah dinyatakan di sini.

#### 3. Mekanisma Promosi

- 3.1 Pengguna Connect tidak perlu melakukan sebarang pendaftaran bagi mengambil bahagian dalam Promosi ini.
- 3.2 Semua Pengguna Connect layak untuk menyertai Promosi ini dan akan menikmati pengecualian fi semasa melakukan transaksi TT melalui Connect ("Pengecualian Fi") sepanjang Tempoh Promosi tanpa sebarang had bagi bilangan transaksi TT yang dilakukan.

No.	Transaksi TT	Caj / Fi	GST (6%)	Caj / Fi Semasa Tempoh Promosi
1	Ringgit Malaysia kepada Dolar Singapura	RM12.00 bagi setiap transaksi	RM0.72	Fi Dikecualikan
2	Ringgit Malaysia kepada Mata Wang Asing Yang Lain	RM20.00 bagi setiap transaksi	RM1.20	Fi Dikecualikan

- 3.3 Pengiriman wang melalui TT mestilah dilakukan dalam Ringgit Malaysia dan ditukarkan mengikut kadar tukaran mata wang asing semasa HLB.
- 3.4 HLB tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai kawalan atas kesesakan rangkaian talian, kegagalan rangkaian atau sambungan internet dan/atau gangguan yang mungkin dialami, yang disebabkan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing ("Telco") yang mengakibatkan kelewatan semasa transaksi TT dilakukan sepanjang Tempoh Promosi.

#### 4. Terma dan Syarat Umum Promosi

- 4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pengguna Connect bersetuju:
  - (i) Bahawa mereka telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat Connect dan mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkaitan yang digariskan oleh HLB dari semasa ke semasa;
  - (ii) Bahawa sebarang keputusan HLB berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan sebarang surat-menjurut dan/atau rayuan tidak akan dilayan; dan
  - (iii) Untuk melayari laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Sesawang HLB") dari semasa ke semasa bagi mengimbas Terma dan Syarat dan peka akan perubahan pada Terma dan Syarat.
- 4.2 HLB berhak untuk:
  - (i) Menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah Terma & Syarat ini, secara menyeluruh atau sebahagian daripadanya dengan cara meletakkannya di laman sesawang HLB, atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh HLB;
  - (ii) Membatalkan Pengecualian Fi sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
- 4.3 Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan manamana kemudahan yang diberi oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad's (686191-W) ("HLISB") atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi ini.
- 4.4 Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.
- 4.5 Jikalau terdapat percanggahan pada terma & syarat di mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, terma & syarat yang terbaru di laman sesawang HLB akan diguna pakai.
- 4.6 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Connect. Jikalau terdapat percanggahan, Terma dan Syarat ini akan berkuatkuasa setakat percanggahan tersebut.
- 4.7 Terma dan Syarat ini ditadbir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pengguna Connect bersetuju akan bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam mengendalikan sebarang permasalahan yang berkaitan dengan Promosi ini.